



KHAZANAH
NASIONAL

SIARAN MEDIA
Kuala Lumpur, 5 Mei 2021

Khazanah kembali ke pasaran sukuk USD, menetapkan harga bagi penawaran berjangka 5-tahun dan 10-tahun

Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") telah berjaya menetapkan harga bagi penawaran sukuk terkini yang terdiri daripada dua bahagian, iaitu sukuk bernilai nominal USD400 juta untuk jangka 5 tahun yang matang pada tahun 2026 serta sukuk bernilai nominal USD600 juta untuk jangka 10 tahun yang matang pada tahun 2031 (secara kolektif dirujuk sebagai "Sukuk"). Sukuk tersebut akan diterbitkan melalui sebuah syarikat tujuan khas yang diperbadankan di Labuan, Dua Capital Ltd ("Dua Capital"). Khazanah pertama kali menerbitkan sukuk dalam USD pada tahun 2016, bila mana ia menerbitkan sukuk yang distruktur bawah prinsip Wakalah.

Sukuk terbaru ini dilancarkan pada petunjuk harga awal 125 mata asas ("bps") sepanjang tempoh 5 tahun hasil Perbendaharaan Amerika Syarikat serta 150bps sepanjang tempoh 10 tahun hasil Perbendaharaan Amerika Syarikat. Urus niaga tersebut telah menyaksikan permintaan tinggi di Asia, Eropah dan Timur Tengah, dengan harga langganan tertinggi yang dicatatkan kira-kira USD6.0 bilion ketika Khazanah menyemak semula panduan harga secara lebih ketat sebanyak 40bps dan 30bps, yang sekali gus berjaya menetapkan harga akhir Sukuk tersebut pada kadar keuntungan masing-masing sebanyak 1.658% dan 2.780%.

Sukuk tersebut, yang kedua-duanya distruktur bawah prinsip Wakalah yang disandarkan kepada saham dan komoditi patuh Syariah, bakal disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad (di bawah Rejim Pengecualian) dan Singapore Exchange Securities Trading Limited ("SGX-ST").

Ketua Pegawai Kewangan Khazanah, Faridah Bakar Ali berkata: "Permintaan luar biasa yang dicatatkan mencerminkan keyakinan pelabur terhadap kedudukan kewangan Khazanah dan kemampuan kami untuk memenuhi mandat kami sebagai dana kekayaan berdaulat Malaysia. Penerbitan sukuk ini akan memanjangkan tempoh liabiliti kami sementara kami meneruskan usaha pengimbangan portfolio kami yang kini berlangsung."

Hasil daripada penerbitan ini akan digunakan untuk pelaburan umum, pembiayaan semula pinjaman serta keperluan modal kerja Khazanah yang patuh Syariah.

CIMB, DBS Bank Ltd., J.P. Morgan, MUFG dan OCBC Bank bertindak sebagai Pengurus Utama Bersama dan Pengatur Bersama Penempatan, sementara KFH Capital dan Warba Bank bertindak sebagai Pengurus Utama Bersama.

NOT FOR RELEASE, PUBLICATION OR DISTRIBUTION, DIRECTLY OR INDIRECTLY, IN OR INTO THE UNITED STATES OR TO U.S. PERSONS (AS DEFINED IN REGULATION S UNDER THE U.S. SECURITIES ACT OF 1933, AS AMENDED (THE "U.S. SECURITIES ACT")) OR IN ANY OTHER JURISDICTION IN WHICH SUCH RELEASE, PUBLICATION OR DISTRIBUTION WOULD BE PROHIBITED BY APPLICABLE LAW.



KHAZANAH
NASIONAL

TAMAT

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Mohd Raslan Md Sharif di talian Tel +603 2034 0000, atau e-mel raslan.sharif@khazanah.com.my.

Tentang Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") adalah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk membangunkan kekayaan jangka panjang negara melalui objektif komersial dan strategik. Objektif komersial Khazanah adalah untuk mengembangkan aset kewangan dan mempelbagaikan sumber pendapatan bagi negara, sementara objektif strategiknya pula adalah untuk memegang aset strategik yang membawa manfaat ekonomi jangka panjang. Khazanah dipandu oleh falsafah pelaburannya yang menekankan kepada pencapaian pulangan kewangan yang disesuaikan dengan risiko, menjana pulangan lestari dan mengintegrasikan pertimbangan pelaburan yang beretika dan bertanggungjawab. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my.

This announcement does not constitute or form part of any offer to purchase, a solicitation of an offer to purchase, an offer to sell or an invitation or solicitation of an offer to sell, issue or subscribe for, securities in or into the United States or to U.S. persons (as defined in Regulation S under the U.S. Securities Act) or in any other jurisdiction. No securities mentioned herein have been, or will be, registered under the U.S. Securities Act, or any state securities laws or other jurisdiction of the United States and no such securities may be offered or sold in or into the United States absent registration or an applicable exemption from, or in a transaction not subject to, the registration requirements under the U.S. Securities Act and any applicable state or local securities laws of the United States.

The securities referred to herein will be offered and sold only outside the United States to non-U.S. persons in accordance with Regulation S under the U.S. Securities Act.

Not for distribution in the United States or to U.S. persons.

There is no intention to register any securities referred to herein in the United States or to make a public offering of the securities in the United States or to, or for the account or benefit of, U.S. persons or in any other jurisdiction where such an offering is restricted or prohibited or where such offer would be unlawful prior to registration or qualification under the securities laws of such jurisdiction. Nothing in this communication shall constitute an offer to sell or the solicitation of an offer to buy securities in any jurisdiction in which such offer or sale would be unlawful. Any offering of securities will be made by means of one or more offering documents, which will contain detailed information about the Issuer, Khazanah and their management and financial statements. No action has been taken in any jurisdiction that would permit a public offering of the securities to occur in any jurisdiction. Failure to comply with the above restrictions may result in a violation of U.S. securities laws or applicable laws of other jurisdictions.

No money, securities or other consideration is being solicited by this announcement or the information contained herein and, if sent in response to this announcement or the information contained herein, will not be accepted.